

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 15 SEPTEMBER 2004
Tajuk : UCAPAN DI MAJLIS MENANDATANGANI PEMBANGUNAN PORTAL
ANTARABANGSA ANTARA DEWAN PERNIAGAAN MELAYU
MALAYSIA DAN INTERNATIONAL PORTAL GROUP SDN. BHD

Yang Berusaha Tuan Pengerusi Majlis

YBhg. Dato' Syed Amin Aljeffri
Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur

YBhg. Dato' Daud Daros
Timbalan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur

Tuan-Tuan Yang Terutama

Duta-Duta Besar Dan Pesuruhjaya Tinggi

Assalamualaikum dan selamat petang

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menghadiri majlis yang mulia ini. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur atau DPMMKL kerana sudi menjemput saya ke Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pembangunan Portal Antarabangsa di antara DPMMKL dan International Portal Group Sdn. Bhd. Tahniah dan syabas saya ucapkan di atas inisiatif ini.

Usaha yang dilaksanakan oleh DPMMKL bagi membangunkan sebuah gerbang "Internet" patut dialu-alukan kerana ia merupakan satu usaha yang proaktif serta tepat pada masanya. Usaha tersebut adalah juga selaras dengan hasrat visi nasional kita untuk memperkenalkan k-ekonomi secara meluas supaya Malaysia mencapai tahap negara yang berasaskan maklumat atau 'a knowledge-based economy'. Ianya juga bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk menggunakan landasan ICT sebagai satu enjin yang baru kepada pembangunan negara. Oleh itu, usaha sebegini adalah amat dialu-alukan oleh kerajaan.

Apabila siap kelak, portal ini bukan sahaja sekadar menghubungkan usahawan-usahawan tempatan di seluruh negara, malahan yang lebih penting portal tersebut akan menyediakan saluran interaksi antara usahawan tempatan dengan usahawan dan pengguna antarabangsa. Ini secara tidak langsung menjadikan portal tersebut sebagai platform bagi mempromosikan barangan tempatan ke persada dunia dengan kaedah yang lebih menjimatkan dan efisien.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dunia kini semakin pantas berubah, sedar atau pun tidak Malaysia telah menjadi sebahagian daripada komuniti tanpa sempadan dan akan berhadapan dengan cabaran-cabaran globalisasi. Negara-negara baru telah muncul untuk memberi saingan hebat untuk mendapat tempat di pasaran antarabangsa dan merebut peluang-peluang pelaburan yang sedia ada. Sehubungan itu adalah menjadi semakin sukar untuk Malaysia terus mengekalkan kedudukan sebagai negara pengeksport kelapan belas terbesar di dunia dengan anggaran eksport bernilai RM 398.9 bilion pada tahun 2003. Pada tahun yang sama juga nilai perdagangan Malaysia adalah RM 716.6 bilion, iaitu 182% daripada Keluaran Negara Kasar.

Berpandukan senario tersebut, adalah jelas bahawa sektor swasta dan perniagaan perlu lebih inovatif dan berani mencuba kaedah pemasaran dan peluang perniagaan baru. Ini adalah penting sekiranya negara ingin terus bersaing dan merealisasikan impiannya untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Sehubungan ini syarikat-syarikat tempatan harus peka kepada perubahan trend semasa dan mengaplikasikan teknologi terkini dalam semua urusan niaga mereka. Penggunaan teknologi seperti ICT mampu meningkatkan lagi hasil pengeluaran dan produktiviti sesebuah syarikat. Adalah menjadi harapan kerajaan agar kemunculan teknologi ini dapat membantu usaha-usaha pemasaran peringkat global, seterusnya merealisasikan Malaysia sebagai pusat perdagangan (trading hub) yang unggul di dunia.

Saya yakin pembangunan portal DPMMKL adalah bertepatan dengan keperluan usahawan pada masa kini kerana melalui Internet, seseorang berupaya memperoleh maklumat yang mereka perlukan. Portal ini juga bakal memberi peluang kepada para usahawan untuk berinteraksi secara online seluas-luasnya dengan komuniti perniagaan dan pengguna di merata dunia untuk membolehkan mereka bersama-sama memanfaatkan faedah serta hasil daripadanya. Langkah International Portal Sdn. Bhd. dan DPMM Kuala Lumpur mengujudkan portal sebegini bakal meluaskan pasaran bercorak global, di samping merapatkan jurang digital bagi usahawan tempatan.

Selain daripada menggunakan ICT bagi menembusi pasaran dunia, adalah menjadi lebih penting kepada syarikat tempatan untuk memantapkan lagi produk dan perkhidmatan mereka agar setanding dengan taraf antarabangsa. Antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh syarikat tempatan adalah dengan menyediakan penanda aras (benchmark) bagi mengukur kemampuan syarikat tempatan untuk bersaing dengan syarikat antarabangsa. Syarikat-syarikat tempatan juga perlu meningkatkan inovasi produk mereka melalui usaha-usaha kajian dan penyelidikan (R&D) untuk memastikan teknologi yang digunakan adalah senantiasa kompetitif untuk menjamin kualiti dan produktiviti yang tinggi. Ushawan-usahawan kita juga harus menjaga dan meningkatkan penyampaian produk atau perkhidmatan. Disamping itu, layanan kepada pelanggan mesti sama seperti pelanggan itu datang sendiri ke ke kedai atau kilang.

Sungguhpun, urusan niaga melalui internet ini dibuat tanpa pertemuan di antara pembeli dan penjual, ianya tidak bermakna keyakinan pembeli tidak perlu dijaga. Dengan khidmat penyampaian yang baik, mutu produk yang berkualiti dan memuaskan serta menepati jangkaan pengguna atau pembeli, saya percaya syarikat tempatan akan berupaya untuk terus bersaing bagi mengekalkan market share mereka dan juga menembusi pasaran baru, baik di dalam mahupun di luar negara.

Memandangkan portal ini akan menempatkan maklumat-maklumat berkenaan produk yang dipasarkan, adalah juga penting supaya maklumat ini sentiasa dikemaskini agar ianya terkini dan masih relevan. Sebagaimana kita sedia maklum, pengguna apabila melayari portal sebegini akan menitik-beratkan maklumat yang tepat dan terkini. Kita harus sedar di pesada internet masih banyak lagi portal-portal yang dibangunkan untuk tujuan yang sama. Oleh itu, saya harap portal ini akan dapat bersaing untuk menarik minat bakal-bakal penggunanya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sejak penubuhannya DPMMKL yang telah membuktikan kemampuannya untuk menggalakkan penyertaan aktif para usahawan Melayu dalam perniagaan tempatan. Saya yakin DPMM juga berkeupayaan untuk meningkatkan maruah dan kecemerlangan bangsa Melayu khususnya dalam bidang ekonomi di peringkat antarabangsa dengan menggalakkan kewujudan usahawan yang dinamik, berwibawa dan mampu menghadapi apa jua persaingan.

Justeru itu, usaha yang dilakukan oleh DPMMKL bagi membangunkan portalnya sendiri adalah satu langkah positif ke arah mencapai matlamat yang murni yang harus dicontohi oleh lain-lain badan perniagaan di Malaysia.

Sebagai akhir kata, izinkan saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada DPMM dan International Group di atas inisiatif ini dan berharap portal ini akan memantapkan lagi DPMM dan terus relevan dengan perkembangan semasa.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal-Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi barakatuh.